

29 MAY 1998

Mahathir-Bumiputera

KERAJAAN BANTU SYARIKAT BUMIPUTERA TANPA PILIH KASIH

TUMPAT, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus membantu syarikat-syarikat Bumiputera yang menghadapi masalah dalam kegawatan ekonomi sekarang ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan bersikap pilih kasih dalam memberi bantuan itu, tidak kira syarikat itu besar atau kecil.

"Kalau syarikat Bumiputera termasuk Melayu dibiarkan bankrap, kita akan kembali seperti sebelum Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan di mana orang Melayu adalah miskin," katanya ketika berucap merasmikan eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (EMTEK 98') di Sekolah Menengah Chabang Empat di sini.

Beliau berkata pertolongan kerajaan itu bertujuan mengelakkan jurang kekayaan yang besar antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera di negara ini.

"Kita tak mahu lihat yang miskin orang Melayu dan yang kaya Bukan Bumiputera," katanya.

"Kita tidak iri hati kepada mereka bahkan kita juga memberikan pertolongan sama ada kepada yang akan menjadi 'millionaire' atau 'billionaire' dan kita lebih berbangga lagi sekiranya mereka mampu mempunyai pesawat, kapal dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan mempedulikan apa yang pihak asing katakan mengenai usaha kerajaan menolong golongan Bumiputera sehingga mencapai kejayaan yang lebih baik.

"Ada pihak asing berkata yang kaya itu adalah daripada suku sakat pemimpin," kata Perdana Menteri.

Tindakan pihak asing itu adalah kerana mereka iri hati melihat kerajaan menolong orang Melayu sedangkan mereka mahu melihat orang Melayu menjadi miskin.

"Kita akan teruskan usaha membantu Bumiputera walaupun ada pihak asing cuba menggagalkan usaha itu," katanya.

Sehubungan itu Perdana Menteri berkata, kerajaan dan rakyat perlu berwaspada dengan penjajahan asing dalam bentuk baru yang menggunakan teknologi maklumat (IT).

Rakyat perlu mengambil pengajaran daripada kejadian yang menimpa Indonesia yang sebelum ini dikenali sebagai "economic tiger" tetapi kini ekonominya lumpuh akibat perbuatan pihak asing itu.

Beliau turut menyeru rakyat termasuk yang tinggal di kawasan luar bandar mempelajari dan menguasai teknologi maklumat secara bersungguh-sungguh selaras dengan usaha kerajaan membangunkan bidang IT.

Beliau berkata kejayaan menguasai IT oleh rakyat akan menjadi benteng yang kukuh dalam mempertahankan diri dan negara daripada serangan pihak luar dalam zaman IT yang semakin canggih.

"Teknologi yang membolehkan kita berhubung dengan mana-mana tempat tanpa sekatan ini adalah satu teknologi yang boleh membentuk kita menjadi sebuah negara yang kukuh dan maju," kata Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali ke majlis itu.

Turut hadir ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah dan Speaker Dewan Negara Tan Sri Mohamed Yaacob.

Ini merupakan kemunculan Dr Mahathir yang pertama di khalayak ramai selepas menjalani pembedahan kecil di buku lali kirinya pada 16 Mei lepas.

Semasa melawat gerai-gerai di ekspo itu, Perdana Menteri turut mengadakan "teleconferencing" dengan sebuah pesakit berusia 13 tahun, Samihah Suradin, yang sedang dirawat di Hospital Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian, kira-kira 25 kilometer dari sini.

Samihah yang lumpuh dirawat di unit rawatan rapi (ICU) hospital itu sejak empat tahun lepas.

Eksposisi yang pertama kali diadakan di Kelantan itu disertai kira-kira 40 syarikat multimedia dari seluruh negara. Eksposisi selama enam hari itu dianjurkan oleh Yayasan Pasir Mas dan Telekom Malaysia sebagai penaja utama. -- BERNAMA

BD PR